

# DHASEDYL DM SYRUP

Dextromethorphan HBr 10mg/5ml, Promethazine HCl 3.6mg/5ml, Ephedrine HCl 6mg/5ml

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Dhasedyl DM
2. Bagaimana Dhasedyl DM berfungsi
3. Sebelum mengambil Dhasedyl DM
4. Cara menggunakan Dhasedyl DM
5. Semasa menggunakan Dhasedyl DM
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Dhasedyl DM
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

## Apakah kegunaan Dhasedyl DM

Dhasedyl DM digunakan untuk melegakan simptom batuk, selsema dan hidung tersumbat.

## Bagaimana Dhasedyl DM berfungsi

Dhasedyl DM mengandungi 3 bahan aktif:

-*dextromethorphan hydrobromide*, ubat penahan batuk yang membantu untuk melegakan batuk kering atau gatal-gatal  
-*promethazine hydrochloride*, sejenis antihistamina yang mengeringkan hidung berair  
-*ephedrine hydrochloride*, yang membantu untuk melegakan hidung tersumbat atau bengkak yang disebabkan oleh selsema.

## Sebelum mengambil Dhasedyl DM

- Bila tidak boleh mengambil  
Jangan mengambil Dhasedyl DM jika:

• anda alah (hipersensitif) kepada *dextromethorphan hydrobromide*, *promethazine hydrochloride*, *ephedrine hydrochloride*, atau bahan-bahan lain dalam sirap.  
• anda mempunyai batuk yang berterusan atau batuk kronik dengan kahak yang berlebihan  
• anda mempunyai asma

- anda mempunyai tirotoksikosis, di mana kelenjar tiroid terlalu aktif
- anda mengalami keadaan tidak sedarkan diri yang mendalam dan seringkali berpanjangan
- anda mengalami *bone marrow depression*, suatu keadaan di mana sum-sum tulang seseorang menghasilkan sel-sel darah kurang daripada yang normal.
- anda mempunyai sejarah *apnea* tidur (pernafasan terganggu semasa tidur)
- anak anda mengambil ubat itu adalah di bawah 2 tahun
- anda mempunyai tekanan darah tinggi
- elakkan penggunaan pada kanak-kanak yang menunjukkan tanda-tanda *Reye's syndrome* (gangguan metabolismik yang mengancam nyawa kanak-kanak muda) atau penyakit hati yang lain

### • Sebelum mula mengambil

Anda perlu beritahu doktor atau ahli farmasi anda sebelum mengambil Dhasedyl DM jika:

- anda hamil atau sedang menyusukan anak.
- anda mempunyai masalah hati
- anda mempunyai masalah jantung
- anda mempunyai *prostatic hypertrophy* (pembesaran prostat).
- anda mempunyai glaukoma sudut sempit (peningkatan tekanan dalam mata).

Jika anda tidak pasti sama ada keadaan di atas berkenaan dengan anda, berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda sebelum mengambil Dhasedyl DM.

### • Jika mengambil ubat-ubat lain

Sila beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda mengambil atau baru-baru ini telah mengambil ubat-ubatan lain, termasuk ubat-ubatan yang diperolehi tanpa preskripsi.

Ini termasuk:

- Ubat untuk kemurungan yang dikenali sebagai *monoamine oxidase inhibitors* (MAOIs)
- Ubat-ubatan untuk merawat keresahan dan ketegangan dipanggil depresi sistem saraf pusat seperti trankuilizer dan sedatif.

## Cara menggunakan Dhasedyl DM

- Berapa banyak harus diambil Dewasa:

5 hingga 10ml 3 hingga 4 kali sehari.

### Kanak-kanak:

6 - 12 tahun: 2.5 hingga 5ml 3 kali sehari.

2 - 6 tahun: 2.5ml 3 kali sehari.

### • Bila perlu diambil

Ambil Dhasedyl DM pada masa yang sama setiap hari. Tanya doktor atau ahli farmasi anda jika anda tidak pasti.

### • Berapa lama perlu diambil

Sentiasa mengambil Dhasedyl DM tepat seperti yang doktor anda telah beritahu anda. Jika anda tidak pasti, tanya doktor atau ahli farmasi anda.

### • Jika terlupa mengambil

Jika anda terlupa untuk mengambil dos anda, ambilkannya secepat mungkin apabila anda ingat. Ambil dos seterusnya pada masa yang tepat. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang terlupa.

### • Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Jika anda (atau orang lain) telah mengambil banyak sirap pada masa yang sama, atau anda mengesyaki kanak-kanak mungkin menelannya, hubungi jabatan kecemasan hospital yang terdekat atau beritahu doktor anda dengan segera.

Gejala dos berlebihan ialah: Loya, mengantuk, pening, muntah, sentakan otot, sawan, koma, kegelisahan dan

# DHASEDYL DM SYRUP

Dextromethorphan HBr 10mg/5ml, Promethazine HCl 3.6mg/5ml, Ephedrine HCl 6mg/5ml

kerengsaan, kekeliruan mental dan kemungkinan halusinasi

## Semasa menggunakan Dhasedyl DM

- Perkara yang perlu dilakukan

Beritahu doktor anda yang merawat anda bahawa anda mengambil Dhasedyl DM.

Jika anda akan memulakan ubat-ubatan baru, beritahu ahli farmasi atau doktor anda bahawa anda mengambil Dhasedyl DM. Berbincang dengan ahli farmasi atau doktor anda jika simptom anda tidak bertambah baik.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Tidak boleh digunakan dalam kanak-kanak di bawah 2 tahun. Jangan mengambil ubat-ubatan baru tanpa berunding dengan doktor anda.

Jangan berikan Dhasedyl DM kepada orang lain, walaupun mereka mempunyai simptom yang sama dengan anda.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Dhasedyl DM perlu digunakan dengan berhati-hati dan di atas nasihat doktor atau ahli farmasi bagi kanak-kanak 2 hingga 6 tahun.

## Memandu dan menggunakan mesin

Anda mungkin berasa mengantuk selepas mengambil ubat ini. Jika ini berlaku, jangan memandu atau menggunakan mana-mana alat atau mesin. Elakkan minuman beralkohol.

## Kesan-sesan sampingan

Seperti semua ubat-ubatan, Dhasedyl DM boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang mengalaminya.

Dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi untuk maklumat lanjut jika anda mengalami mana-mana yang berikut yang membimbangkan anda.

Ini termasuk:

-masalah perut seperti sembelit  
-rasa mengantuk  
-pening  
-kekeringan mulut  
-rasa teruja  
-keliruan mental  
-jantung berdebar (denyutan jantung yang tidak normal)  
-kesukaran membuang air kecil  
-otot lemah  
-rasa terketar-ketar  
-rasa gelisah  
-masalah pernafasan  
-takikardia (kadar jantung pantas)  
-keresahan  
-insomnia (tidak boleh tidur).

Jika mana-mana kesan sampingan menjadi serius, atau jika anda perasan kesan sampingan lain yang tidak disenaraikan di dalam risalah ini, sila beritahu doktor atau ahli farmasi.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat terus kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web [portal.bpfk.gov.my](http://portal.bpfk.gov.my) (*Consumers → Reporting*)

## Cara penyimpanan dan pelupusan Dhasedyl DM

- Penyimpanan

Simpan ubat jauh daripada kanak-kanak.

Simpan di bawah suhu 30°C, lindungi dari cahaya.

- Pelupusan

Jangan makan ubat itu apabila telah lepas tarikh luputnya.

Sila pulangkan sirap yang belum digunakan kepada ahli farmasi anda untuk dilupuskan. Hanya simpan sirap jika doktor anda menasihatkannya. Jangan buang ubat tersebut di dalam air atau bersama-sama dengan sampah-sarap rumah. Tindakan ini boleh membantu melindungi alam persekitaran.

## Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk  
Cecair likat berwarna perang dengan perisa prun.

## Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif  
Setiap 5ml mengandungi:  
-10mg *Dextromethorphan Hydrobromide BP*  
-3.6mg *Promethazine Hydrochloride BP*  
-6mg *Ephedrine Hydrochloride BP*

- Bahan-bahan tidak aktif  
*Sodium citrate dihydrate, granulated sugar, glycerin, sodium benzoate, citric acid monohydrate, disodium edetate, liquid caramel, sodium metabisulphite, prune HC3995, propylene glycol, sodium saccharin, purified water*

- Nombor MAL

MAL20051379A

## Pengilang

**Drug Houses of Australia Pte. Ltd.**

#09-01/02 Haw Par Tiger Balm Building,  
No. 2, Chia Ping Road,  
Singapore 619968

## Pemegang Pendaftaran Produk

**Actavis Sdn Bhd**

Unit 304, Level 3, Uptown 2,  
No 2, Jalan SS21/37, Damansara  
Uptown, 47400 Petaling Jaya,  
Selangor Darul Ehsan, Malaysia

## Tarikh kemaskini RiMUP

06-02-2015

## Nombor siri

BPFK(R4/1)060215/00028